

### **BANK ISLAM DAN BUMITRA TANDATANGAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN PENYEDIAAN PENYELESAIAN KEWANGAN KEPADA BAKAL JEMAAH HAJI**

**KUALA LUMPUR, Rabu, [5 April 2023]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) semalam memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (BUMITRA) bagi menyediakan penyelesaian kewangan untuk bakal jemaah haji yang ingin mengambil pakej haji melalui 22 syarikat Pengelola Jemaah Haji (PJH) lantikan Lembaga Tabung Haji (TH) yang juga merupakan ahli BUMITRA.

MoU ini bertujuan untuk melaksanakan kerjasama dan sesi perkongsian ilmu bagi mendidik pelanggan BUMITRA mengenai penyelesaian kewangan yang disediakan oleh Bank Islam, terutamanya untuk haji dan umrah. Bidang kerjasama ini juga merangkumi usaha untuk membantu penyebaran maklumat mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji. Kad debit ini dilengkapi dengan pelbagai keistimewaan dan ganjaran eksklusif untuk para pemegang kad. Selain menawarkan rangkaian pembayaran dan akses tunai yang meluas di seluruh dunia, kad ini juga memudahkan urusan transaksi kewangan bagi jemaah haji ketika berada di Arab Saudi, ini termasuk tiada caj akan dikenakan bagi pengeluaran tunai pada musim haji.

Di majlis tersebut, Bank Islam turut melancarkan kempen, 'Once in a Lifetime', khas kepada bakal haji atau waris terdekat yang ingin membantu ibu bapa untuk menunaikan haji dengan memohon pembiayaan peribadi ini dengan jumlah minimum sebanyak RM50,000. Kempen yang berlangsung dari 24 Mac sehingga 31 Mei 2023 ini menawarkan peluang memenangi hadiah pakej umrah.

Penyediaan pakej pembiayaan peribadi ini memberi peluang kepada bakal haji yang berkemampuan dan berupaya untuk membayar balik pembiayaan secara berstruktur mengikut kemampuan kewangan masing-masing.

Mohd Muazzam berkata, "Memandangkan kos pakej haji kian meningkat disebabkan faktor luar kawalan, pembiayaan peribadi yang ditawarkan ini adalah tepat pada masanya untuk membolehkan lebih ramai lagi umat Islam yang berkemampuan menunaikan rukun Islam ke-5."

"Sementara itu, peranan Bank Islam tidak hanya terhad sebagai hab-solusi kewangan bagi jemaah haji semata-mata tetapi akan diperluaskan dengan menyeluruh kepada lebih 600 syarikat pelancongan yang berdaftar di bawah BUMITRA dan pelanggan-pelanggannya," tambah Mohd Muazzam.

Selain daripada produk Pembiayaan Peribadi dan Kad Debit-i Bank Islam Visa Tabung Haji, Bank Islam sebagai hab solusi kewangan bagi jemaah haji juga menawarkan produk-produk lain seperti, akaun pelaburan Al-Awfar, kad kredit-i, produk perlindungan takaful, penulisan wasiat, kemudahan perbankan atas talian dan mudah alih serta tukaran mata wang asing di kaunter 'Bureau de Change' Bank Islam. Dengan adanya manfaat-manfaat ini, ia seiring dengan aspirasi Bank Islam iaitu 'Urusan Dipermudah, Lebih Tenang Beribadah'.

MoU ini ditandatangani oleh Mizan Masram, Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Runcit, Kumpulan Bank Islam dan BUMITRA diwakili oleh AB Rahman Mohd Ali, Setiausaha Agong Kehormatnya. Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam; Harun KC Ahmmu, Presiden BUMITRA dan Mohamed Ameen Abdul Wahab, Pengarah Eksekutif Operasi, Jabatan Operasi Kumpulan TH menyaksikan pemeretaian tersebut.

Para pelanggan yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkenaan produk-produk yang ditawarkan boleh berkunjung ke cawangan Bank Islam yang berhampiran.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia,

Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila emel ke:** [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)